

10 FEB 1998
Mahathir-tabung
KABINET BINCANG PENUBUHAN BADAN KUTIP DERMA

KUALA LUMPUR, 10 Feb (Bernama) -- Penubuhan sebuah badan khas untuk mengutip derma bagi meningkatkan simpanan negara akan dibincang untuk kelulusan pada mesyuarat kabinet esok.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad beliau gembira kerana ramai rakyat ingin menderma sejak beliau mengumumkan dua hari lepas mengenai hasrat kerajaan menubuhkan badan itu.

"Saya perlu mendapatkan kelulusan kabinet mengenai badan yang layak menerima derma itu," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian mengenai perancangan dan pembinaan Universiti Multimedia Telekom Malaysia di Carcosa Seri Negara.

Dr Mahathir berkata kutipan itu perlu dilakukan oleh sebuah badan yang sesuai kerana ia melibatkan barangan berharga sama ada dalam bentuk wang, barang kemas dan mungkin juga harta.

Ketika ditanya mengenai pelancaran "Tabung Setia Negara" oleh Kementerian Penerangan, Perdana Menteri berkata ianya baik tetapi usaha seperti itu perlu diselaraskan.

"Kita tidak boleh ada terlalu banyak badan mengutip derma kerana ini bahaya.

"Jika ia jatuh ke tangan orang tak bertanggung jawab, barang mungkin hilang dan penderma akan kecewa, begitu marah...kita tidak boleh biarkan ini berlaku," kata Dr Mahathir.

Ketika ditanya mengenai dakwaan sesetengah pihak kononnya derma seumpama itu diperlukan kerana rizab negara semakin berkurangan, beliau berkata perkara itu tidak berbangkit.

"Bukan soal berkurangan (sebaliknya) simpanan lebih besar, lebih baik," katanya.

Beliau berkata setiap negara perlu menambah simpanannya untuk membolehkannya melindungi diri sendiri.

"Jangan buat andaian kononnya ini kerana kita papa kedana," katanya.

Mengenai Universiti Multimedia, Dr Mahathir berkata ia akan memberi tumpuan terhadap multimedia sebagai satu mata pelajaran baru hasil kemajuan dan penyatuan teknologi.

Ia memerlukan maklumat, latihan dan kelayakan khas, katanya.

Beliau berkata universiti itu akan cuba mendapatkan sebanyak mungkin tenaga pengajar tempatan tetapi ia perlu juga mempunyai pensyarah asing.

Dr Mahathir berkata Malaysia harus menyediakan pekerja berpengetahuan secepat mungkin kerana permintaan untuk mereka akan meningkat seperti Koridor Raya Multimedia (MSC) yang memerlukan 25,000 pekerja sedemikian.

Satu konsortium empat syarikat akan mereka bentuk dan membina Universiti Multimedia itu yang terletak di Cyberjaya. Fasa pertama projek bernilai RM350 juta dijangka siap Ogos ini dengan kemasukan 2,000 penuntut menjelang Oktober.

-- BERNAMA
AZZ MAI